

04 MAY 2002

Wakaf-Media

PUSAT MEDIA PERSIDANGAN ISLAM DILENGKAPI KEMUDAHAN ICT

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Pusat Media Persidangan Ketujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam dilengkapi dengan kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi memudahkan para petugas media membuat liputan.

Pusat media itu, yang bertempat di Hotel Istana dan dikendalikan oleh sekretariat Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), mula beroperasi hari ini dan bakal menempatkan kira-kira 200 wakil media tempatan dan asing.

Persidangan tiga hari bermula Isnin ini dijangka disertai 250 peserta dari 56 negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan lapan negara lain.

Pusat media itu menyediakan pelbagai kemudahan termasuk komputer dengan akses Internet bagi memudahkan mereka menghantar berita ke organisasi masing-masing.

Selain itu, Bernama juga menyediakan perkhidmatan maklumat Newslink yang membekalkan laporan berita-berita semasa dan arkib dari Bernama.

Turut disediakan ialah kaunter Telekom Malaysia yang menyediakan kemudahan faksimili dan telefon dengan kadar tertentu bagi kemudahan membuat panggilan dalam dan luar negara, kad pra-bayar dan telefon bimbit untuk disewa.

Para wartawan yang membuat liputan juga boleh mendapatkan sebarang maklumat mengenai persidangan ini dalam kekotak surat di hadapan pintu masuk pusat media.

Sementara itu, Ketua Trafik Kuala Lumpur Supt Ahmad Shamsuri yang dihubungi hari ini berkata keadaan lalu lintas dan trafik di sekitar Hotel Istana dijangka tidak terjejas sepanjang berlangsungnya persidangan itu.

Katanya tiada jalan akan ditutup semasa persidangan itu.

Persidangan itu akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Isnin manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan pada Selasa.

Sebanyak sembilan kertas kerja akan dibentangkan pada persidangan kali ini termasuk yang mengandungi cadangan menubuhkan sebuah yayasan sedunia bagi warisan Islam dan penggunaan media elektronik untuk menyebarkan maklumat mengenai Islam dalam pelbagai bahasa.

Isu utama yang akan dibincangkan pada persidangan kali ini ialah mencari cara paling berkesan bagi memulihkan imej Islam yang sering dikaitkan dengan keganasan.

-- BERNAMA

SNS MUN MFJ NAK